

# **Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum Dan Pengajaran\***

oleh

**Prof. Madya Dr. Salleh Abd. Rashid**  
Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial  
Universiti Malaysia Sabah  
[salleh@ums.edu.my](mailto:salleh@ums.edu.my)

## **ABSTRAK**

*Guru merupakan agen perubahan penting menyebarkan kurikulum kepada pelajar di sekolah. Guru merupakan titian antara hasrat dan realiti. Guru bertindak berpandukan pual kurikulum bersulam dengan kepercayaan, nilai dan sikap yang dipegang. Tahap profesionalisme guru khususnya tahap pemikiran diri mempengaruhi 'bagaimana' guru memberi makna kepada kurikulum dan pengajaran di bilik darjah. Satu kajian temuduga terpimpin dan tinjauan pemerhatian dilakukan terhadap bakal guru dan guru dalam perkhidmatan di sebuah IPTA. Kajian bertujuan meninjau tahap profesionalisme keguruan responden dari empat aspek profesionalisme yang di kenal pasti. Tahap ini juga berhubung dengan kekangan dan peluang guru menterjemah kurikulum. Kajian mendapati tahap profesionalisme masih di tahap serdahan dan mencadangkan guru perlu dibekalkan dengan kefahaman tentang kurikulum dan pengajaran agar dapat memaksimakan pengajaran, mengembang potensi insan dan meningkatkan tahap profesionlisme keguruan.*

## **Pengenalan**

Guru merupakan agen perubahan berperanan penting menyebarkan kurikulum kepada pelajar di sekolah. Guru sangat berpotensi mengubah sikap dan status pelajar terhadap sesuatu kurikulum (subjek) itu. Guru bertindak sebagai penyambung antara teori dan amalan dalam pendidikan. Guru mendidik berpandukan pual kurikulum bersulam dengan kepercayaan, nilai dan sikap yang dianuti. Kepercayaan, nilai dan sikap yang dipegang oleh guru akan menjelaskan enviromen pendidikan dan 'bagaimana' guru memberi makna dan mengadaptasi kurikulum di sekolah kepada pelajar di sekolah. Tahap pemikiran guru akan menentu dan memainkan peranan penting yang konstruktif dalam pendidikan guru dan pelajar pada masa hadapan.

Bertitik tolak daripada kenyataan ini, ternyata guru berperanan besar merealisasikan perlaksanaan kurikulum di sekolah. Sebagai seorang guru terdapat beberapa elemen penting profesionalisme keguruan yang memerlukan penghayatan melaksanakan kurikulum. Elemen-elemen ini boleh dikesan terjemahan daripada kepercayaan, nilai dan sikap guru sewaktu menyebarkan kurikulum dalam pengajaran di bilik darjah. Hal ini disahkan lagi tertakluk kepada kekangan dan peluang yang tersedia semasa guru-guru ini

berusaha menterjemah kurikulum di bilik darjah. Ternyata guru-guru masa kini perlu mempunyai secukupnya elemen dan aspek kefahaman tentang profesionalisme keguruan terhadap kurikulum dan pengajaran di bilik darjah. Ini bertujuan agar kekangan dapat dikurangkan dan peluang dapat digunakan bagi memaksimumkan pengajaran, mengembang potensi insan dan meningkatkan tahap profesionalisme keguruan itu sekaligus.

## **Permasalahan**

Institusi ‘melahirkan’ guru telah membekal dan ‘melambak’ guru setiap tahun ke pasaran. Namun, adakah setiap guru yang dipasarkan itu benar-benar bersedia untuk mengharungi profesion ini. Profesion ini memerlukan tahap professional yang tinggi untuk seorang guru itu benar-benar berwibawa. Pencapaian di transkrip akhir pengajian pendidikan belum boleh menjamin tahap profesional guru itu. Persoalan yang boleh dibangkitkan ialah *sejauh mana guru-guru ini atau guru yang sedia dilantik di sekolah benar-benar bertingkah laku dan berpemikiran professional?*

Tata laku ‘sumbang’ guru kerap dipaparkan di media massa. Profesion guru dikatakan amat ‘tenat’ dan guru sedang menghadapi tekanan tugas yang amat berat. Sering didedahkan dengan laporan tentang segelintir guru merokok, guru tidak cergas, guru tidur dalam kelas, guru selalu datang lewat ke sekolah dan guru mengajar sekadar melepas batuk di tangga. Keupayaan guru mengajar diragui. Lebih merisaukan kedapatan laporan sekolah yang mempersoalkan kewibawaan guru-guru pelatih sewaktu menjalani Praktikum atau Latihan Mengajar di sekolah. Juga kedapatan guru-guru yang merungut diminta mengajar mata pelajaran yang bukan opsyen pengajian diri. Pelajar-pelajar yang mengambil program pendidikan di IPTA, khususnya juga dipersoalkan kemurniaan niat dan cita-cita kerjaya diri. Adakah pelajar menjadi pendidik sebagai pilihan terakhir kelayakan yang ada atau menyahut kemerunduman ekonomi semasa? Timbul semacam sewaktu kekalutan terhadap profesion ini ketika ini. Adakah profesion keguruan ini sedang menghadapi ‘krisis identiti’ profesionalisme dan semakin terhakis kepercayaan masyarakat terhadap profesion ini?

Guru bertindak sebagai penyebar kurikulum. Kurikulum merupakan nadi utama pendidikan. Kurikulum merangkumi pelbagai aktiviti dilaksanakan di sekolah bertujuan mencapai matlamat pendidikan yang ditentukan. Dalam konteks Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengariskan aspek penting membimbing pembelajaran pelajar ke arah memaksimumkan potensi diri masing-masing. Kurikulum juga dilihat sebagai hasrat, pelan atau preskripsi mengenai ‘apa’ diinginkan berlaku di sekolah. Dalam bentuk pemahaman yang mudah kurikulum menghubungkan antara hasrat dengan relaiti.

Faktor utama yang menjadi penentu kepada penyebaran kurikulum ialah ideologi atau pengetahuan penyebar [guru]. Ideologi boleh difahami sebagai premis nilai tentang perkara-perkara yang membawa kepada penggubalan pendidikan. Ini mencerminkan tentang perkara yang bernilai atau bermanfaat dipelajari pelajar di sekolah. Dua konsep penting berkaitan dengan ideologi ialah nilai dan kepercayaan. Urutan daripada ini ialah

*bagaimana guru menyebarkan kurikulum yang dihasratkan ini bersulam dengan ideologi [nilai dan kepercayaan] yang tersedia dalam pemikiran para guru itu sendiri.*

Kepercayaan diri guru merupakan satu set tingkah laku yang merancang dan memandu jenis-jenis tingkah laku guru, sebab tingkah laku mengesahkan kepercayaan diri. Maka, pegangan kepercayaan [dan nilai] guru mempengaruhi pengajaran guru berdasarkan pemikiran yang difikirkan memberi manfaat kepada pelajar. Orientasi nilai kepercayaan ini mempengaruhi pengajaran untuk pelajar di bilik darjah guru berkenaan.

Akhirnya, sikap guru terhadap kurikulum dan pengajaran menentukan kejayaan atau kegagalan penyebaran kurikulum. Pegangan sikap akan menentukan jumlah usaha, ketekunan dan keputusan guru sama ada kurikulum dianjurkan terlaksana. Guru perlu mempunyai lokus kawalan diri yang positif terhadap kurikulum dan pengajaran. Guru ini akan berinisiatif tinggi dan berperanan sebagai 'pengusaha' terbaik menterjemahkan pengajaran menyebar kurikulum.

Terdapat tiga jenis kurikulum; kurikulum yang dihasratkan, kurikulum yang beroperasi dan kurikulum yang dipelajari. Kurikulum dihasratkan bersifat ideologi, kurikulum beroperasi mencakupi pengetahuan kemahiran dan nilai yang disusun dan dilaksanakan oleh guru di bilik darjah. Manakala, kurikulum yang dipelajari ialah perkara yang telah diperolehi pelajar hasil kurikulum beroperasi. Ternyata kurikulum yang beroperasi sangat berpengaruh dan guru yang diberi mandat bertindak sebagai 'jurutera' membentuk pemikiran pelajar hasil pancaran pemikiran professional guru itu sendiri. Persoalannya, *sejauh mana tahap profesionalisme pemikiran guru mengoperasikan kurikulum?*

## **Metod**

Kertas kerja ini disediakan berdasarkan soalan-soalan temuduga terpimpin yang dikemukakan kepada sekumpulan 46 orang pelajar yang sedang mengikuti program sarjana muda pendidikan di salah sebuah IPTA tempatan. Semua pelajar berada di semester akhir pengajian masing-masing. Sebelas orang pelajar adalah pelajar lulusan STPM atau setaraf dengannya dan selebihnya ialah pelajar rancangan pendidikan guru dalam perkhidmatan yang melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah pertama.

Guru-guru dalam perkhidmatan memberi respon masing-masing terhadap soalan yang diberikan berdasarkan pengalaman diri sebagai guru bukan siswazah dan sebagai pelajar IPTA, manakala responden lain memberi respon berdasarkan pengalaman diri sebagai pelajar baik sama ada di sekolah, kolej atau di IPTA berkenaan. Setiap pelajar ditemuduga secara berasingan selama 20 – 30 minit daripada jadual yang disusun khas. Tiada sebarang rakaman audio dilakukan. Setiap respon pelajar dicatat dan dikategorikan. Hasil daripada temuduga itu, kandungan dikelompok kepada beberapa kategori kecil. Kategori-kategori kecil ini dikenal pasti dan dikelompok kepada beberapa kategori besar mewakili kategori kecil ini. Akhirnya kesemua respon ini boleh

dikelompokkan kepada 4 elemen profesionalisme profesion yang besar. Empat elemen profesionalisme profesion kajian yang dikenal pasti adalah;

- i. persediaan profesional
- ii. sikap profesional
- iii. pembangunan kerjaya profesional
- iv. pemikiran professional

Sementara itu, pemerhatian dilaksanakan semasa sesi pembentangan makro pelajar. Setiap sesi melibatkan dua orang pelajar. Pelajar dipasangkan secara rawak. Setiap pasangan diberi tajuk pembentangan yang mengambil masa 20 minit setiap sesi. Pemungutan data bagi sesi ini dilaksanakan oleh penyelidik berdasarkan senarai 4 kategori yang disediakan. Sesi pemerhatian tertumpu kepada mengidentifikasi aspek terjemahan kurikulum guru sewaktu pembentangan. Berikut dilaporkan dapatan kajian. Fokus utama kajian ialah mentaksir pemikiran profesional guru atau responden kajian sewaktu sesi pembentangan itu berlangsung. Dapatan kajian telah didigeskan bagi memudahkan perbincangan dilaksanakan.

### **Pemikiran dan Profesionalisme**

Pemikiran merupakan proses dalaman mental dan ini dapat difahami melalui perlakuan seseorang itu (Kagan & Tippins, 1998). Merujuk kepada permasalahan yang dibangkitkan maka, ini bermakna pemikiran guru merupakan faktor penting menentukan variasi pendidikan. Pemikiran ini sangat berpengaruh dalam enviromen pembelajaran yang dicipta oleh guru. Hal ini melibatkan 'bagaimana' guru mengumpul, mengorganisasi, menginterpretasi dan menilai maklumat sebelum disebarkan. Semasa aktiviti ini, kraf seorang guru, pengetahuan professional, kemahiran 'in-action' dan refleksi banyak digunakan. Aktiviti ini merupakan resipi terpenting peranan guru menentukan 'apa' yang difikir guru dengan 'apa' yang dilaksanakan serta memahami penenerimaan dan penolakan kurikulum terhadap pelajar. Pengukuran tentang pemikiran guru ini boleh dikesan hasil interaksi tiga perlakuan utama yang saling mempengaruhi antara satu dengan yang lain, iaitu tingkah laku guru, tingkah laku pelajar dan pencapaian pelajar.

Janet, (2003) menyarankan kepentingan melahirkan tenaga kerja yang mempunyai keupayaan pemikiran yang kritikal dan bereflektif tinggi. Saranan ini dapat melahirkan ahli professional yang bebas dari kokongan dan cara 'tradisi' mengidentifikasi dan menyelesaikan masalah (di bilik darjah). Beliau menambah bahawa dua komponen penting pemikiran diri ialah keupayaan untuk membezakan antara membuat 'conscious reflection' dengan 'recognition of conflicting values'. Secara mudah dapat membuat refleksi yang adil dan seimbang tanpa mengutamakan kepentingan pemikiran diri.

Pemikiran guru akan menentukan sejauh mana kurikulum yang dihasratlkan terlaksana. Hal ini berkaitan dengan kepercayaan, pemikiran, pertimbangan, pengetahuan dan keputusan guru. Dalam perkara ini, 'bagaimana' guru memikirkan kurikulum dan

pelbagai interaksi yang berlaku dalam proses pelaksanaan kurikulum akan menjelaskan jurang yang wujud antara ekspektasi guru terhadap pelajar dan amalan pengajaran sebenar.

Memahami pemikiran guru juga bermakna mengetahui bahawa 'apa' yang dibuat guru dipengaruhi pemikiran guru itu sendiri. Kefahaman tentang pemikiran guru ini juga meningkatkan kefahaman tentang penenerimaan dan penolakan guru terhadap sesuatu inovasi dan menggambarkan kesediaan guru untuk menerima dan mengadaptasi kurikulum dalam persekitaran pendidikan yang wujud disekitar guru. Sekaligus tahap profesionalisme guru boleh dibaiki dan ditingkatkan.

## **Dapatan**

- a. Kesedaran tentang perubahan dan amalan pedagogi yang tidak dirancang teliti tetapi sebaliknya hanya berdasarkan pemahaman konsepsi guru semata-mata amatlah 'merbahaya' dan kerap menerima kegagalan atau penerimaan yang 'songsang' oleh penerima.

Maka, penyebaran kurikulum melalui pemikiran guru harus cuba menghampiri kontekstual keperluan proses pengajaran dan pembelajaran yang mengwujudkan hasrat paradigma progresif khususnya meliputi 'apa' yang dihasratkan dengan ruang litup pemikiran guru tentang pendidikan, konsepsi teori dan amalan, organisasi sekolah dan peranan guru dan sekolah dengan masyarakat.

- b. Guru berpengalaman tidak mempunyai pengetahuan yang kukuh tentang kandungan pelajaran dan guru baru pula mempunyai pedagogi yang terbatas bagi menentukan keberkesanan pengajaran di bilik darjah. Pengetahuan yang kukuh akan dapat membantu pelajar memahami dengan lebih baik konsep dan proses menimba ilmu bagi sesuatu subjek di sekolah jika di sulam dengan pedagogi terbaik dan terpilih.

Maka, guru perlu menguasai atau mempunyai pengetahuan dasar minimum yang mencukupi sebagai guru. Antara pengetahuan minimum itu ialah

- i. pengetahuan isi kandungan
- ii. pengetahuan pedagogi am
- iii. pengetahuan kurikulum
- iv. pengetahuan konten pedagogi
- v. pengetahuan tentang pelajar dan ciri-ciri diri
- vi. pengetahuan konteks penting
- vii. pengetahuan falsafah, matlamat, tujuan, nilai dan sejarah pendidikan.

- c. Guru memiliki pengetahuan professional yang serdahana bagi melaksanakan tugas sebagai guru dengan jayanya. Pengetahuan professional ini perlu bagi memandu pemikiran guru dan bertingkah laku di dalam bilik darjah dan

- keputusan tentang pembelajaran dan pengajaran, kurikulum dan fenomena bilik darjah.
- d. Guru tidak memiliki 'kraf' yang memadai sebagai seorang guru. Kraf adalah sesuatu yang unik dan dimiliki sebagai kemahiran atau pengetahuan individu itu. Kraf juga boleh difahami sebagai kemahiran praktikal kreativiti guru. Kraf terbina hasil kebijaksanaan guru menggunakan pengetahuan, kemahiran serta pengalaman melaksanakan penyebaran kurikulum yang dihasratkan. Secara mudah kraf adalah hasil interaksi antara pengetahuan professional dengan pengetahuan peribadi seorang guru.
  - e. Guru sebagai ahli professional yang 'conformist' iaitu yang lebih mudah berperanan sebagai penerus tradisi daripada bersifat kreatif atau inovatif. Tambahan pula dunia guru tidak memberi peluang yang banyak kepada penerimaan terhadap perubahan.
  - f. Guru bersifat seperti pembina yang menurut spesifikasi yang ditetapkan bukan sebagai seorang yang boleh mengubah suai dan pencipta baru. Guru perlu bertindak sebagai pembina yang membina insan pelajar bukan robot matrix yang taat dan setia tanpa pemikiran.

Hal ini berhubungan dengan kompleksiti bilik darjah yang mengakibatkan guru perlu kepada konsep 'survival' untuk meneruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Survival bermaksud guru perlu meneruskan 'apa' yang diketahui dan dapat dilaksanakan dengan apa yang dihasratkan. Kepuasan tidak semestinya diperoleh dengan ketepatan menepati apa yang dihasratkan. Persepsi dan survival guru akan terlihat sewaktu penyebaran kurikulum dilaksanakan.

- g. Penerimaan terhadap sesuatu kurikulum itu bukan suatu isu, yang lebih penting ialah pelaksanaannya. Bagi memastikan perlaksaaannya berkesan, guru perlu mengenal pasti kekangan dan peluang yang wujud bagi dimanipulasikan sebaiknya mencapai hasrat kurikulum itu sendiri.

Pengecaman ini bermula pada peringkat bilik darjah lagi seperti ruang, peralatan, saiz kumpulan pelajar yang diajar, pembahagian pelajar kepada aliran, kuantiti dan sumber diperolehi, masa pengajaran dan peperiksaan mampu membentuk rangka kekangan dan peluang bagi guru membuat keputusan. Keputusan yang perlu dibuat khususnya tentang kandungan pelajaran, kaedah, organisasi kelas, penggunaan masa, peranan setiap pelajar, kumpulan dan susunan fizikal kelas. Seterusnya faktor fizikal seperti bangunan, kemudahan dan peralatan, keadaan social dan psikologikal lokasi pengajaran.

- h. Batasan dan limitasi diri meliputi keupayaan, latihan dan tingkah laku. Jika perlu, hal yang melibatkan polisi pendidikan secara am dan paling kritikal aspek

pelanggan seperti latar belakang, umur, sikap dan keupayaan dan juga perhatian perlu untuk memaksimumkan peluang dan mengurangkan kekangan.

- i. Terdapat tiga masalah utama mengukur pemikiran professional guru. Pertamanya guru tidak sedar akan pemikiran dan kepercayaan diri. Kedua guru tidak melafazkan pemikiran tersebut dan kekurangan kosa kata mendeskripsikan pemikiran tersebut. Akhirnya, guru menolak kepercayaan yang tidak popular atau mempunyai konotasi yang negatif.
- j. Guru berpengalaman dapat mengidentifikasi, meninterpretasi dan menganalisis corak-corak peristiwa di bilik darjah dengan pengetahuan prosedur. Guru baru tidak sedar perkara ini dan tertakluk kepada pengetahuan 'declarative' menyelesaikan masalah bilik darjah. Guru baru bertindak dalam cerminan diri sebagai pelajar.

## **Epilogue**

Ringkasnya, semua catatan ini meliputi aspek-aspek terpenting merangkumi kurikulum, pengajaran, enviromen bilik darjah dan organisasi. Kurikulum yang 'rigid' menghadkan penyebaran. Guru yang tiada 'kraf' menyukarkan perlaksanaan kurikulum kerana terlalu 'patuh' kepada peraturan yang menyekat kreativiti dan inovasi. Enviromen bilik darjah sebagai kekangan rutin guru dan kelansungan kepada oragnisasi dan pentadbir.

Maka, isu terpenting ialah pemikiran professional guru itu harus didasari dengan tuntutan kehendak, tuntutan tugas, dan persepsi tugas guru terhadap tugas tersebut. Persepsi ini menjadi dasar kepada penerimaan atau penolakan terhadap kurikulum. Guru harus menganggap diri sebagai agen yang aktif dalam perkembangan professional diri. Guru mampu membuat keputusan berdasarkan pengetahuan yang memimpin tingkah laku dalam sesuatu situasi. Guru melihat diri sebagai autonomous dan menganggap pengajaran sebagai bernilai, kompleks dan satu profesion yang mempunyai tuntutan yang tinggi. Guru harus dapat memokus pemikiran kepada pengajaran yang telah dirancang [termasuk semua prosedur pengajaran] dan bertindak merubah keputusan apabila rutin 'diganggu' atau pelajar tidak menunjukkan respon yang sesuai.

Guru yang baik amalan pemikiran profesionalnya mempunyai 'praktis intuitif' dan konsep 'bertindak dan refleksi berkadar keadaan' menghadapi kemungkinan bilik darjah yang sentiasa berubah. Pemikiran professional guru harus mempunyai konstruk tersendiri terhadap tugas dengan kesedaran bahawa guru mempunyai variasi yang mendasari pemilihan tindakan masing-masing.

Kajian ringkas ini menyimpulkan bahawa pemikiran guru terhadap kurikulum dan pengajaran sangat kompleks dan pengetahuan 'apa' yang diketahui guru dengan

'bagaimana' dan refleksi pemikiran guru sangat kritikal melaksanakan kurikulum yang dihasratkan. Namun, guru yang professional sentiasa memikirkan minat dan kepentingan klien guru, pelajar di sekolah.

Dicadangkan guru diberi pengupayaan dengan keistimewaan dan status. Guru-guru yang telah menjalani satu tempoh latihan yang mencukupi, memperoleh ilmu pengetahuan yang mencukupi dan berdedikasi melaksanakan tugas patut menyedari tuntutan profesional profesion ini. Guru harus sedar akan perubahan peranan, keadaan yang memerlukan reformasi dan etika komuniti dalam masyarakat kontemporari. Guru yang dapat membawa diri ke tahap professional, kemungkinan besar menikmati tahap kejayaan yang lebih baik dan hasrat profesion akan lebih tersusun dan teratur.

Sejajar dengan ini, guru seharusnya sentiasa mengemaskini perkembangan pendidikan diri dengan bacaan dan inkuiri diri yang meluas terutama bidang kepakaran masing-masing. Guru juga disarankan mengamalkan ciri-ciri penyelidikan profesion yang sentiasa berkembang. Penyelidikan membawa kepada inovasi dalam pendidikan diri seorang profesional. Guru perlu menganjak dan merubah paradigma melalui amalan penyelidikan yang kukuh. Guru bersikap terbuka dan tidak mempunyai tanggapan yang menyulitkan tentang sebab-sebab dan hubungan sebab-musabab melaksanakan tugas ini.

Ternyata pemikiran professional guru merupakan terjemahan konstruk profesionalisme masing-masing. Konstruk pemikiran diri terhadap diri, rakan sejawat, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kandungan pengetahuan dan enviromen persekolahan menjelaskan sejauh mana falsafah peribadi profesionalisme guru. Pancarkan ketokohan profesionlisme guru.

## **Rujukan**

Claderhead, J. (1987). (Ed). Exploring Teachers' Thinking. London, Casell.

Janet, P. & Jerome, Q. (2003). Contemporary Sp Management. Champaign, Human Kinetics.

Kagan, DM & Tippins, DJ. (1991). How teachers' classroom express their pedagogical beliefs. Journal of Teacher Education. 42 (4), 281-291.